

22 NOV 1999

PAS/(Fokus Berita)

BETULKAH KUBANG PASU KUBANG PAS?

Oleh: Abdul Halim Taib

ALOR SETAR, 22 Nov (Bernama) -- Di kawasan Parlimen Kubang Pasu seperti juga di tempat-tempat lain kini penuh dengan bendera dan poster dua parti utama yang mewakili orang Melayu iaitu Umno dan PAS.

Bendera PAS mula berkibar di Kubang Pasu sejak awal tahun ini. Bukan setakat itu malah Kubang Pasu juga diberi nama jolokan sebagai "Kubang PAS." Persoalannya sejauh manakah kekuatan PAS di Kubang Pasu.

Mengikut tinjauan Bernama jumlah penyokong PAS tidaklah sehebat yang dilaung-laungkan. Di merata kawasan Kubang Pasu terutama di luar bandar memang ada penyokong PAS, tetapi bilangannya tidak berubah sejak kira-kira 20 tahun lalu.

Bila penyokong lama meninggal dunia terdapat orang muda yang mengambil tempat itu dan proses begini berterusan dari dahulu hingga sekarang, bagaimanapun perkara itu tidak begitu dengan Parti Keadilan Nasional.

Menurut seorang penyokong kuat PAS yang hanya dikenali sebagai Hassan dari Jitra berkata mereka akan berjuang habis-habisan, tetapi soal kalah menang Tuhan yang tentukan.

Jika diteliti sejak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertanding di Kubang Pasu pada 1974, hingga sekarang Barisan Nasional (BN) tidak pernah tewas.

Pertandingan juga adalah antara dua penjurua iaitu Umno dan PAS kecuali pada tahun 1990, UMNO ditentang Parti Melayu Semangat 46.

Perdana Menteri ketika ditanya mengenai peluangnya di Kubang Pasu pada pilihan raya kali ini, berkata, beliau yakin orang Kubang Pasu terus memberikan sokongan berdasarkan sumbangannya kepada mereka.

Katanya, "Pada tahun 1995 saya menang kira-kira 17,000 undi dan kalau kali ini 17,000 juga pun syukurlah."

Beliau berkata apa yang dibimbangkan orang BN terlalu yakin boleh menang besar, jadi mereka tidak keluar mengundi.

Sementara itu, pencabar Dr Mahathir di Kubang Pasu kali ini, anggota jawatankuasa PAS Pusat Subky Latif berkata, "bukan satu perkara yang mudah untuk menewaskan Dr Mahathir kerana beliau seorang yang dikenali, tetapi juga bukan sesuatu yang mustahil."

Katanya daripada reaksi-reaksi yang ditunjukkan di seluruh negara dan di Kubang Pasu, beliau yakin PAS boleh menang di Kubang Pasu kali ini.

Subky yang berasal dari Perak berkata beliau diarahkan oleh pucuk pimpinan parti untuk bertanding di Kubang Pasu.

Berikut adalah keputusan pilihan raya Parlimen Kubang Pasu dari 1974 hingga 1999; pada tahun 1974, apabila Dr Mahathir mula bertanding di Kubang Pasu, beliau menang tanpa bertanding kerana ketika itu musuh tradisinya PAS menyertai BN.

Pada pilihan raya 1978 Dr Mahathir mengalahkan Halim Arshat dari PAS, dan pada tahun 1982 Dr Mahathir menewaskan Yang Dipertua PAS Yusof Rawa dengan 15,761 undi.

Pada pilihan raya 1986, Perdana Menteri menumbangkan calon PAS, Azizan Ismail dengan majoriti 15,298 undi.

Kemenangan Dr Mahathir yang paling bermakna ialah pada pilihan raya 1990 bila beliau menewaskan Presiden Hamim Datuk Sudin Wahab yang bertanding di atas tiket Parti Melayu Semangat 46 sebanyak 22,062 undi.

Pilihan raya 1995 memperlihatkan Perdana Menteri menumbangkan calon PAS Mohamad Alim dengan majoriti 17,226 undi.

-- BERNAMA

HT RI